

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN PERSATUAN
PEMULIHAN ORANG-ORANG CACAT
BATU 61/2, JALAN KLANG LAMA, TAMAN KANAGAPURAM
KUALA LUMPUR, PADA HARI SABTU
12HB. MAC, 1988
PUKUL 10.00 PAGI

Insaniah.

Bismillah

1 Y. B. Encik Mustapha Mohamed,

Menteri Kebajikan Masyarakat; + Datin Hasnah

(2) YABhg. Datin Asbi Raha
' ' Norbeal Syuhun .

Y. Bhg. Dato Dr. Mahmood Merican,

Presiden Persatuan Pemulihan Orang-Orang

Cacat Wilayah Persekutuan;

YABhg. Tun Owen + TJP Dr. Aishah al.
T. Y. Terutama An Spichley .

Dif-Dif Kehormat;

Puan-puan dan Tuan-tuan para hadirin
sekalian,

Assalamu alaikum
Salam sejahtera.

Saya sebagai Penang Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran puan-puan dan tuan-tuan di upacara pembukaan rasmi bangunan Persatuan ini. Inilah hari yang paling bersejarah bagi Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan kerana telah mempunyai bangunannya sendiri (*dan bagi saya sendiri kerana kehormatan yang diberi kpd saya dgn ^{kuasa} menamakan bangunan ini dgn nama saya.*)

2. Untuk makluman para hadirin sekalian, tujuan utama Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan ialah untuk membantu orang-orang cacat, tidak kira apa jenis kecacatan yang dialami, dan keduanya ialah untuk menjalinkan kerjasama di kalangan persatuan-persatuan, khususnya yang terlibat dalam kerja-kerja pemulihan di

... Selangor/-

Selangor dan Wilayah Persekutuan. Persatuan-persatuan ini termasuklah persatuan untuk orang-orang cacat penglihatan, cacat akal, cacat pendengaran, cacat anggota dan Rumah Cheshire. Walaupun tiap-tiap persatuan menumpukan perhatiannya kepada satu-satu jenis kecacatan sahaja, saya berharap persatuan-persatuan tersebut akan bekerjasama dengan lain-lain persatuan dan akan menggunakan Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat sebagai badan induk di Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan tertentu.

3. Dalam hubungan ini, saya merasa gembira mengetahui bahawa beberapa persatuan telahpun bergabung dengan Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat, dan sebahagian daripada

... persatuan/-

.3.

persatuan-persatuan ini telah bekerja keras untuk menjayakan upacara pada hari ini, Setengah daripada mereka mengadakan gerai-gerai untuk pesta yang akan dibuka selepas upacara pembukaan ini.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

4. Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat pada awal-awal lagi telah membuat keputusan untuk melaksanakan satu projek besar bagi memberi peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat. Persatuan ini mula-mula telah merancang untuk menubuhkan sebuah kilang usahasama dengan sebuah syarikat perkilangan yang utama dan satu kajian telah dibuat. Setelah berunding, berbincang dan kelulusan-kelulusan yang berkaitan daripada

... Kerajaan/-

Kerajaan diperolehi, sebuah syarikat usahasama ditubuhkan dan satu perjanjian usahasama telah ditandatangani. Dalam tahun 1984, setelah beberapa tahun membuat kerja-kerja persediaan, dan ada tanda-tanda kilang tersebut akan dibina. Tetapi syarikat perkilangan tersebut telah menarik diri.

5. Kami masih menganggap bahawa sebuah syarikat usahasama antara Persatuan ini dengan sebuah syarikat perkilangan adalah satu konsep yang baik. Kami berharap sebuah syarikat atau lebih akan tampil ke hadapan untuk sama-sama menjalankan perusahaan usahasama tersebut.

6. Barangkali bengkel yang ada sekarang ini dapat membuktikan bahawa orang-orang cacat

... dapat/-

dapat bekerja dengan produktif *dan* akan menggalakan syarikat perkilangan tampil untuk mencebur diri dalam perusahaan usahasama tersebut.

7. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada orang-orang perseorangan, kumpulan dan syarikat-syarikat yang telah membantu Persatuan ini dengan berbagai cara. Adalah diharapkan bahawa orang ramai akan terus memberi bantuan kepada Persatuan ini.

8. Beberapa buah syarikat telah memberi kontrak kepada Persatuan ini untuk membuat pakaian termasuk pakaian seragam dan kemeja-T. Saya merasa gembira mengetahui bahawa kontrak-kontrak ini biasanya diperolehi secara tender terbuka, Sementara

... kami/-



kami menghargai bantuan serta simpati, bengkel tersebut mestilah boleh mendapat dan mengekalkan pelanggan-pelanggan dengan menjaga kualiti yang tinggi dan harga-harga yang bersaing.

9. Saya juga merasa gembira kerana pihak Kraftangan telah membantu Persatuan ini untuk menubuhkan Bahagian Pekerjaan Tangan di bengkel ini. Perkembangan ini merupakan satu perkembangan yang baik bukan sahaja kepada Persatuan ini tetapi juga kepada pihak Kraftangan. Saya berharap ianya dapat menggalakkan Kraftangan untuk menubuhkan bengkel pekerjaan tangan di lain-lain badan sukarela berasaskan pengalaman di bengkel ini.

...Perkembangan/-

Puan-puan dan Tuan-tuan,

10. Perkembangan yang berlaku di sini memberikan saya harapan bahawa perkembangan yang lebih besar lagi akan dapat dicapai di masa-masa hadapan. Orang-orang cacat boleh bekerja dan dapat berdikari daripada segi kewangan malah boleh mendapat pendapatan yang lumayan. Apa yang penting di sini ialah mereka mestilah diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan dan kemahiran mereka.

11. Perubahan-perubahan dalam persekitaran adalah perlu kepada mereka. Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah perubahan sikap setiap orang sama ada yang cacat ataupun yang tidak cacat. Telah sampailah masanya untuk kita menerima hakikat

...sebenar/-

Saya berharap Bangunan
Insaniah Dr. S.H. ini akan
memberi manfaat kepada
penghuni, ~~cahat~~ nya. dan
saya berdoa semoga Allah
S.W.T. menestui pembukaan
seminya ini & memberi
taufik & hidayah Nya kepada
kita semua supaya ^{seantiasa} perkuat
bakti kerana Allah S.W.T.

sebenarnya bahawa orang-orang cacat boleh bekerja atau berdikari dan dapat menyumbangkan tenaga mereka untuk kepentingan masyarakat dan negara. Marilah kita sama-sama berusaha ke arah penerimaan hakikat ini.

12. Dengan harapan dan doa semoga Allah Subhanahu Wataala merestui Majlis ini, saya dengan sukacitanya membuka Bangunan Persatuan Pemulihan Orang-Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan ini dengan rasminya.

*Saya berdoa semoga Allah
S.W.T. merestui Majlis ini dan
memberi taufik & hidayahNya
kepada perghuni. Berjela supaya
berjaya dlm usaha mereka*

President PPOC SR/W.P.
terlupa menghargai jasa
Arkitek Rumah Insaniah -
Zainal Abidin b. Hj. Mohd.
Ali.

Genting Bhd
Edaran Otomobil National Sdn. Bhd.
AP Compton Sdn. Bhd.
Mesiniaga Sdn. Bhd.
Regnis (M) Sdn. Bhd.
PERKIM Wanita, cawangan KL Utara
Nestle (M) Sdn.Bhd.
Pemanis Sdn. Bhd.
Yeo Hiap Seng (M) Sdn. Bhd.
ICI (M) Holding Sdn. Bhd.
Ericsson Telecommunications Sdn.Bhd.
Kraftangan Malaysia

Persatuan Pelukis-Pelulis M'sia
APS Electronic Sdn Bhd
Pelitawanis
Angkatan Tentera Darat M'sia
Inner Wheel Of Kuala Lumpur
Puspamara Sdn. Bhd.
Syarikat Finplan Leasing Sdn.Bhd.
Bank Negara Malaysia.
George Kent (M) Bhd.
Vanleer (M) Sdn. Bhd
St. Johns Ambulance M'sia
Bakti



